

ANALGESIK

Analgesik ialah ubat-ubat yang digunakan untuk mengurangkan atau menghilangkan rasa sakit tanpa mengganggu kesedaran

Tindakannya .Ia bertindak dengan cara mengurangkan keupayaan seseorang menerima derita sakit dan mengubah tindakbalas emosi terhadap derita itu.

Analgesik boleh dibahagikan kepada 2 bahagian:

1. Analgesik lemah
2. Analgesik narkotik

Analgesik lemah digunakan untuk melegakan rasa sakit yang ringan atau sederhana kuat.

Setengah daripadanya mempunyai tindakan antipiretik iaitu mengurangkan suhu badan (demam).

Analgesik narkotik pula digunakan untuk melegakan sakit yang kuat dan ia boleh menyebabkan ketagih.

Ada setengah-setengah analgesik mempunyai tindakan inflamatori (mencegah radang) dan digunakan untuk merawat arthritis, rheumatism dan keadaan inflamatori yang lain.

Contohnya: aspirin, asid flufenamic, ketoprofen, ibuprofen, endomethacin, asid mefenamic, dan phenylbutazone.

Ubat-ubat ini bertindak dengan cara menghalang sintesis protoglandin.